

# JCI Labuan akan anjur bual bicara atas talian

## Iffah Dilaney

LABUAN: Norma baharu menuntut pendekatan baru dan fleksibel untuk mengharungi pandemik Covid-19.

Dengan kemajuan teknologi masa kini, Junior Chamber International (JCI) Labuan akan bekerjasama dengan cawangan JCI Kuala Lumpur mereka untuk membawa Siri Bual Bicara Perniagaan Labuan pada 27 Jun (Sabtu).

Acara yang dianjurkan bersama dengan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) akan diadakan dari jam 2 petang hingga 3.30 petang melalui Zoom Webinar.

Acara ini bertujuan untuk memberi kesedaran tempatan dan antarabangsa mengenai Labuan IBFC dan peluang perniagaan baharu dengan menggunakan teknologi terkini bagi mengatasi aktiviti pemasaran tradisional.

Ketua pegawai eksekutif Labuan IBFC Inc, Fafah Jafaar-Crossby dan rakan pengasas BBS Trust Int'l Limited, Sin Yoke Chong akan menjadi penceramah untuk siri ini bagi memberi pandangan mengenai peluang perniagaan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

Peserta yang berdaftar juga boleh menyertai perbincangan panel dan mendapatkan konsultasi daripada BBS Trust.

Dengan sokongan dari IBFC Inc dan BBS Trust, acara ini dapat menarik bakal pelabur dalam dan luar negara, khususnya dari Hong Kong dan Singapura.

Orang ramai boleh mendaftar untuk menyertai Webinar Perniagaan ini melalui <https://bit.ly/LabuanBusinessTalk>.

JCI adalah komuniti seluruh dunia yang terdiri daripada warga muda yang aktif berusia 18 hingga 40 tahun yang berkongsi kepercayaan bahawa untuk mewujudkan perubahan positif, kita mesti mengambil tindakan kolektif untuk memperbaiki diri dan dunia di sekitar kita.

Terlibat dalam aktiviti-aktiviti dari pembangunan lestari hingga projek antarabangsa, kami bertanggung jawab untuk masyarakat kami sambil meningkatkan diri melalui penyertaan, kepemimpinan dan tindakan.

Dengan kira-kira 5,000 Organisasi Tempatan, rangkaian antarabangsa JCI menghubungkan hampir 200,000 warga aktif di lebih dari 100 negara.